

Gerakkan gencatan senjata di Lebanon tanpa syarat – PM

OIC bertindak

Um - 4/8/2006.

PUTRAJAYA 3 Ogos - Mesyuarat tergepar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) - yang mewakili 1 bilion umat seluruh dunia - sebulat suara menubuhkan Kumpulan Penghubung bagi menggerakkan segera cadangan gencatan senjata tanpa syarat di Lebanon.

Pemimpin-pemimpin OIC yang hadir pada mesyuarat hari ini sepakat mahu segala tindakan diambil bagi melaksanakan cadangan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi OIC berkata, Kumpulan Penghubung itu akan diselenggarakan oleh Malaysia dan dianggotai oleh jawatankuasa eksekutif OIC (Troika OIC) serta beberapa negara yang berminat.

"Kumpulan Troika itu akan digerakkan untuk mendapatkan sokongan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menguatkuasakan gencatan senjata itu.

"Gencatan senjata di Lebanon dan Palestin adalah penting kerana timbul kebimbangan wujudnya kemarahan orang ramai yang akan mengambil tindakan sendiri sekali gus menyebabkan keganasan merebak dengan lebih besar.

"Sebelum ini krisis di Palestin dan Iraq telah menyebabkan keganasan di rantau itu," katanya pada sidang akhbar selepas mempergunakan mesyuarat sehari itu di sini, hari ini.

Mesyuarat itu yang turut mengeluarkan Deklarasi Putrajaya Mengenai Palestin dan Deklarasi Putrajaya Mengenai Lebanon, juga bersetuju supaya pasukan penempatan keamanan sementara ditempatkan di selatan Lebanon untuk tempoh yang lebih lama.

Serangan bertubi-tubi Israel ke atas Lebanon sehingga hari ke-23 hari ini mengorbankan kira-kira 900 orang dan mencederakan lebih 3,000 yang lain.

Menurut Abdullah, pemimpin OIC juga menyokong sebulat suara pelan penyelesaian tujuh perkara yang dikemukakan Kerajaan Lebanon semasa Persidangan Dunia mengenai krisis Asia Barat di Rom baru-baru ini.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyambut ketibaan Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad pada mesyuarat tergepar OIC di Putrajaya, semalam untuk mencari jalan damai di Asia Barat.

nelahirkan
gempar ini
angat OIC
p keadaan

inya meli-
2 menteri,
terhadap
nya.

menyertai
adesh, Bru-
Lebanon,
di, Senegal,
an Yemen.

mengambil
bagi men-
sis Timur
atan nega-
eka untuk

m Rantau
gu lepas di
r, dengan
umpulan itu
nan tente-

OIC bertindak

Tujuh pelan penyelesaian itu ialah:

- Mengambil langkah untuk pembebasan tahanan Lebanon dan Israel melalui Pasukan Palang Merah Antarabangsa (ICRC).

- Israel mengundurkannya di belah-belah Garis Biru.

- Komitmen daripada Majlis Keselamatan untuk menempatkan kawasan ladang Shebaa dan Bukit Kfarshouba di bawah PBB sehingga garisan sempadan dan kedaulatan Lebanon diselesaikan.

- Kerajaan Lebanon mengekalkan jajahannya melalui kuasa ketenteraannya sendiri.

- Pasukan Pengaman PBB yang beroperasi di selatan Lebanon dikekalkan dan diberikan mandat untuk kekal di situ untuk memastikan kestabilan dan keselamatan di kawasan itu.

- PBB dengan kerjasama pihak lain mengadakan langkah perlu untuk memastikan perjanjian yang ditandatangani oleh Lebanon dan Israel pada 1949 diikuti.

- Masyarakat antarabangsa di semua peringkat memberikan sokongan dan membantu Lebanon menghadapi beban dari segi kemanusiaan, sosial dan ekonomi yang terjejas.

Dalam pada itu, Abdullah turut melahirkan rasa gembira kerana mesyuarat tergepar ini berjaya dan berlangsung dalam semangat OIC demi mencari penyelesaian terhadap keadaan di Lebanon.

"Sebanyak 19 negara menghadirinya melibatkan lapan ketua negara dan 12 menteri, untuk mencari jalan penyelesaian terhadap penderitaan rakyat Lebanon," katanya.

Selain Malaysia, negara lain yang menyertai mesyuarat itu ialah Azerbaijan, Bangladesh, Brunei, Mesir, Indonesia, Iran, Jordan, Lebanon, Palestin, Pakistan, Qatar, Arab Saudi, Senegal, Syria, Turki, Emiriyah Arab Bersatu dan Yemen.

Malaysia selaku Pengerusi OIC mengambil inisiatif mengadakan mesyuarat itu bagi mencari jalan untuk menamatkan krisis Timur Tengah dan memanfaatkan kekuatan negara-negara Islam dalam usaha mereka untuk melihat keamanan di rantau itu.

Isu itu turut mendominasi Forum Rantau ASEAN Ke-13 yang diadakan minggu lepas di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, dengan semua 10 negara anggota perkumpulan itu dan rakan dialog mengutuk kekejaman tentera Israel di Palestin dan Lebanon.